HIMPUNAN HADITH HARIAN JAKIM

Kategori : AKIDAH Akhlak

Tajuk :

Doa Rasulullah Sebagai Penghargaan

Hadith :

Sahl Ibnu Sa'ad r.a berkata: Rasulullah SAW datang kepada kami dan ketika itu kami sedang menggali parit dan mengangkut tanah dengan pundak-pundak kami (bahu). Kemudian Rasulullah SAW berkata:"Wahai Tuhan ku, tidak ada penghidupan selain daripada penghidupan akhirat. Kerana itu ampunilah orang-orang Muhajirindan dosa orang-orang Ansar."

(Bukhari dan Muslim)

Huraian

Perang ini dinamakan Perang Ahzab kerana kabilah Arab bersekutu untuk memerangi Nabi SAW. Perang ini juga dinamakan sebagai Perang Khandak kerana nabi menyuruh supaya para sahabat menangkis serangan musuh dengan menggali parit di sekitar Madinah malahan baginda sendiri turun padang bersama-sama bermandi peluh menggali parit sebagai pertahanan. Parit ini digali atas saranan yang dikemukakan oleh Salman al-Farisi. Sebagai menghargai pengorbanan dan penat lelah umat Islam tersebut maka Rasulullah SAW memohon kepada Allah keampunan bagi para Muhajirin dan Ansar.